

TARIKH: 9/3/2023
SURAT KHABAR: kosmo
MUKA SURAT: 6

Individu hilang upaya, hidap penyakit mental diberi bantuan untuk bangkit

82,822 dapat manfaat RTW Perkeso



ROSMAWATI (kanan) melihat salah seorang peserta menyediakan hidangan makanan untuk jualan pada Majlis Pelancaran Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (Mentari) Ketereh, Kota Bharu semalam.

Oleh **ROSMIZAN RESDI**

KOTA BHARU – Seramai 82,822 orang berinsurans (OB) yang mencarum melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) di seluruh negara menerima manfaat daripada program Return to Work (RTW) dalam tempoh 16 tahun lalu.

Ketua Cawangan RTW Perkeso, Rosmawati Mat berkata, jumlah itu membabitkan mereka yang mengalami hilang upaya akibat kecederaan dan penyakit termasuk hilang upaya mental yang bermula sejak 2007.

Menurutnya, daripada jumlah tersebut, seramai 57,188 OB telah berjaya mendapat pekerjaan.

“Menerusi program ini, Perkeso membantu mereka yang

hilang upaya untuk dipulihkan menerusi pemulihan fizikal, latihan vokasional dan seterusnya pelaksanaan penempatan pekerjaan.

“Di Kelantan, sebanyak 1,477 kes bermotivasi telah diuruskan. Daripada jumlah itu, seramai 984 orang telah kembali bekerja selepas mengikuti program rehabilitasi dan vokasional yang ditawarkan,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (Mentari) Ketereh, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Rosmawati berkata, Perkeso telah melaksanakan pelbagai aktiviti di bawah Projek Caring Centre di 14 buah hospital kerajaan di seluruh negara bagi memantapkan perhid-

matan rawatan pesakit psikiatri.

Katanya, program itu adalah satu latihan vokasional yang melibatkan pihak Kementerian Kesihatan (KKM) dalam membantu lebih ramai peserta Program RTW bersama orang awam untuk menjana pendapatan secara berdikari menerusi aktiviti keusahawanan.

“Penganjuran program berkenaan dapat membantu meningkatkan bilangan pesakit yang mengalami masalah kesihatan mental untuk diambil bekerja semula.

“Ia bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan bebas daripada stigma dan diskriminasi selain dapat mempromosikan kesihatan mental yang baik,” katanya.